



# Buletin Pengguna

Bil: 4/2004 [www.kpdnhq.gov.my](http://www.kpdnhq.gov.my)

ISSN: 1675-5626

## **SKIM PIRAMID - Sekadar Menjual Impian**

**S**kim piramid atau kadang kala juga disebut skim cepat kaya merupakan fenomena yang menjadi lumrah dalam masyarakat pada hari ini. Biarpun telah diperingatkan berulang kali tentang keburukannya, namun masih ramai yang ingin terlibat dengan skim ini. Anganan untuk mendapatkan ganjaran yang lumayan dengan bermodalkan pelaburan yang kecil menyebabkan ia menjadi tarikan. Namun realitinya skim ini hanya sekadar menjual impian sahaja, yang belum tentu mendatangkan pulangan yang diidamkan.

### **JENIS SKIM PIRAMID**

#### **■ Berunsurkan pelaburan**

Skim ini beroperasi seperti skim yang pernah kita dengar, iaitu Pak Man Telo, Ganda Wang Anda, Labu Peram dan sebagainya. Skim ini biasanya berunsurkan pelaburan yang memerlukan seseorang itu melabur sejumlah wang yang kecil dan dijanjikan pulangan yang besar dalam tempoh tertentu.

#### **■ Surat berantai**

Skim cepat kaya jenis ini biasanya dibuat dengan menghantarkan surat kepada seseorang, disebarluaskan ke tempat-tempat awam atau diletakkan di kenderaan-kenderaan. Seseorang yang ingin terlibat dengan skim ini perlu membuat salinan fotokopi dalam jumlah yang diingini. Untuk menarik perhatian agar seseorang terlibat dengan skim ini, dikisahkan tentang seseorang yang telah terlibat dengan skim ini dan berjaya mendapat sejumlah wang yang banyak. Hasilnya dia berjaya menyelesaikan pelbagai masalah kewangan yang



pernah dihadapi. Di dalam surat tersebut disenaraikan tiga nama orang yang tertentu yang disertakan dengan nombor akaun di bank tertentu.

Seterusnya, peserta yang ingin menyertainya perlu membuka akaun di cawangan bank tersebut. Kemudian dia diminta untuk memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun penama yang pertama. Nama penama itu dikeluarkan daripada senarai. Penama kedua pula ditempatkan di kedudukan pertama dan penama ketiga pada kedudukan kedua. Nama peserta yang baru diletakkan di tempat ketiga. Hantarkan surat yang telah dibuat salinan itu kepada sesiapa sahaja dengan apa jua cara. Peserta hanya perlu menunggu dan mengemaskini akaunnya dari semasa ke semasa untuk mengetahui sama ada terdapat peserta lain yang telah memasukkan wang ke dalam akaunnya.

**P**elbagai taktik yang digunakan oleh para peniaga bagi mlariskan barang jualan mereka. Jika taktik tersebut beretika dan sihat, ia tidak menimbulkan masalah kepada pengguna. Malah pengguna dapat menerimanya dengan baik.

Namun sejak kebelakangan ini, taktik yang digunakan kadangkala agak keterlaluan sehingga tidak menghiraukan kepentingan pengguna. Syarikat berasaskan jualan langsung misalnya, agak kehadapan dalam hal ini. Taktik seperti gores dan menang, cabutan kad bertuah dan sebagainya, hanyalah sebagai gimik untuk memerangkap pengguna. Pelbagai hadiah yang dijanjikan kepada para pengguna yang bertuah. Peliknya, untuk mendapatkan hadiah tersebut, mereka perlu membeli sesuatu jenis barang atau membayar pada kadar tertentu. Apa maknanya hadiah jika perlu dibayar?

Syarikat seumpama ini kadangkala seolah-olah mempermudahkan undang-undang dan peraturan. Biarpun ada syarikat yang telah ditarik lesen jualan langsungnya oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, namun kemudiannya wujud semula dengan nama syarikat yang lain, beroperasi di lokasi yang sama dan taktik yang sama juga. Ada pula yang apabila menyedari taktik yang digunakan telah 'pecah tembelang', terus menutup premis dan membukanya di tempat lain.

Kewujudan syarikat seperti inilah yang sebenarnya merosakkan amalan perniagaan yang sihat di negara ini. Hubungan murni peniaga dan pengguna dicemari dengan pelbagai taktik yang bertujuan menipu pengguna untuk mengaut keuntungan. Sikap segelintir peniaga seperti ini tidak sewajarnya dibiarkan bermaharajalela. Sudah sampai masanya pengguna berhenti daripada melayan bentuk jualan langsung seperti ini. Pihak berkuasa juga perlu mengetatkan peraturan sedia ada agar syarikat yang seperti ini tidak dibenarkan terus beroperasi.



Berlalunya Pilihanraya Umum Ke-11 dan pengumuman pembentukan kabinet oleh YAB Perdana Menteri, telah menampilkan senarai muka baru yang menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. YB. Datuk Shafie bin Apdal telah dilantik sebagai Menteri yang baru, diikuti oleh YB. Datuk S. Vaeerasingham sebagai Timbalan Menteri dan YB Hoo Seong Chang sebagai Setiausaha Parlimen. Selamat bertugas kepada mereka. Semoga mereka dapat meneruskan usaha yang dimainkan oleh pendahulu mereka sebelum ini.

## SIDANG REDAKSI

### *Penasihat:*

**Y. Bhg. Datuk Dr Sulaiman bin Mahbob**  
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan  
Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

**Ketua Sidang Pengarang**  
**Haji Wan Mansoor bin Wan Omar**

**Timbalan Ketua Sidang Pengarang**  
**Mohd Yusof bin Abdul Rahman**

**Sidang Pengarang**  
**Normah bte Sheikh Abdullah**  
**Anyi Ngau**  
**Noor Jamal Ali**  
**Hasliana bte Kamarudin**  
**Che Aizawati bte Che Salleh**  
**Siti Rahayu bte Zakaria**

**Dicetak oleh Syarikat Asas Jaya**

*Buletin Pengguna merupakan penerbitan usahasama di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Sumbangan artikel amat dialu-alukan. Sila hantarkan sumbangan kepada:*

**Editor,**  
**Buletin Pengguna,**  
**No 1D-1, Bangunan SKPPK,**  
**Jalan SS9A/17, 47300 Petaling Jaya,**  
**Selangor Darul Ehsan.**  
Emel: [buletinpengguna@hotmail.com](mailto:buletinpengguna@hotmail.com)  
Laman Web KPDN & HEP : [www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my)  
Laman Web FOMCA : [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my)

*Artikel yang disiarkan dalam Buletin Pengguna ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.*

# Surat Perjanjian Jual Beli Rumah

**S**urat Perjanjian Jual Beli (SPJB) merupakan dokumen perundangan yang ditandatangani dan dipersetujui oleh kedua pihak iaitu di antara pembeli dan pemaju. Pemaju bersetuju menjual harta (rumah dan tanah) manakala pembeli bersetuju membeli harta tersebut dengan terma-terma yang dicatat dalam SPJB.

SPJB adalah seragam dan setiap pemaju dikehendaki mematuhi. Ini selaras dengan Peraturan 11 Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan & Pelesenan) 1989. Sekiranya pemaju tidak mematuhi, ia merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan denda sebanyak RM5000.00 atau penjara 3 tahun atau kedua-duanya.

Sebelum SPJB seragam ini diperkenalkan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mendapati surat perjanjian beraneka ragam dan mengikut kehendak pemaju dan banyak merugikan pembeli. Bagi melindungi pembeli SPJB diseragamkan.

Di dalam Peraturan-Peraturan Pemaju Perumahan (Kawalan & Pelesenan) 1989 telah memperuntukkan 2 bentuk SPJB iaitu Jadual G bagi pembelian rumah dan tanah dan Jadual H bagi bangunan dipecah bahagi.

Sekiranya pemaju tidak tertakluk kepada Akta/Peraturan, mereka boleh menggunakan SPJB mengikut kehendak mereka misalnya perumahan yang dibangunkan oleh Koperasi-koperasi atau perbadanan-perbadanan atau harta lain seperti kedai atau bangunan komersial.

Perkara-perkara penting dalam SPJB yang perlu dititikberatkan oleh pembeli adalah:-

- A. "Preamble" pemaju dikehendaki mencatatkan;
  - No. lesen pemaju perumahan, No. permit iklan dan jualan
  - Perihal hakmilik seperti PT No., bahagian, mukim, daerah, negeri dan keluasan.
  - Nama pemaju dan alamat
  - Keluasan lot yang dijual.
- B. Syarat Tanah dan Bebanan.
  - Pemaju bersetuju menjual harta tersebut bebas daripada apa-apa bebanan seperti syarat pertanian, perindustrian atau



bangunan. Dengan demikian pembeli perlu memastikan harta (status tanah) tersebut telah ditukar kepada kategori perumahan serta bebas daripada apa-apa syarat nyata atau tersirat atau apa-apa sekatan pada tarikh SPJB ditandatangani.

- Pemaju tidak boleh mengenakan apa-apa bebanan ke atas tanah tersebut selepas tarikh penyempurnaan SPJB tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada pembeli. Dengan kata lain, pemaju mengakujanji bahawa harta tersebut bebas daripada apa-apa bebanan sebelum penyerahan pemilikan kosong bangunan tersebut kepada pembeli.

## C. Harga dan Jadual Bayaran

- Harga jualan dicatatkan dalam SPJB dan jadual bayaran kemajuan ditetapkan dalam Jadual ke 3 SPJB. Jadual pembayaran pembeli kepada pemaju adalah seperti berikut;
  - 10% daripada harga rumah perlu dibayar selepas selesai SPJB ditandatangani. Apabila menerima notis bertulis daripada pemaju bersama surat pengesahan arkitek, pembeli (dalam tempoh 14 hari) perlu membayar peringkat-peringkat berikut;

Ke muka 4»

### « Dari muka 3

- 10% apabila kerja menanam cerucuk dan kerja-kerja asas.
- 10% apabila rangka konkrit bertetulang dan kepingan lantai dipasang.
- 10% apabila dinding-dinding berserta rangka-rangka pintu dan tingkap terpasang di tempatnya.
- 10% apabila memasang bumbung/siling, pendawaian elektrik, saluran paip (tanpa lengkapan), paip gas (jika ada) dan penyaluran serta pengkabelan telefon dalam (jika ada) dipasang.
- 15% apabila kerja melepa dalam dan luar siap
- 15% apabila jalan, parit dan kerja saluran pembetungan siap.
- 15% semasa penyerahan pemilikan kosong. (5% akan dipegang oleh peguamcara penjual sebagai pemegangtangan untuk bayaran kepada penjual. 2.5% daripadanya akan dibayar setelah tamat tempoh 6 bulan selepas pemilikan kosong dan 2.5% lagi akan dibayar setelah tamat tempoh 18 bulan selepas penyerahan pemilikan kosong).

### D. Pinjaman untuk membeli harta/rumah

- Bagi pembeli bukan kakitangan Kerajaan, sekiranya berhasrat memperolehi pinjaman bagi membayai pembelian rumah yang diuruskan oleh pihak pemaju, pembeli haruslah membuat permohonan bertulis kepada pemaju dalam tempoh 14 hari selepas menerima salinan surat perjanjian yang bersetem.

Pemaju hendaklah sedaya upayanya berusaha memperolehi pinjaman bagi pembeli dari bank, syarikat kewangan, persatuan pembinaan atau institusi kewangan. Jika pinjaman tersebut diperolehi, pembeli hendaklah dalam tempoh yang ditetapkan, menyempurnakan semua borang dan dokumen yang perlu dan membayar semua fee, kos guaman dan cukai setem yang berkaitan.

- Jika pembeli gagal bersetuju untuk menerima pinjaman atau ingkar dalam mematuhi kehendak-kehendak yang perlu atau terhilang kelayakan yang



mengakibatkan pinjaman tersebut ditarik balik oleh pembiaya mengikut masa berkenaan, pembeli tetap bertanggungjawab membayar kepada pemaju kesemua harga beli atau mana-mana bahagian yang masih belum dijelaskan.

- Sekiranya pemaju tidak berjaya memperolehi apa-apa pinjaman kepada pembeli, pemaju hendaklah memberitahu pembeli dalam masa 14 hari selepas penerimaan pemberitahuan penolakan pinjaman tersebut. Pemaju tidak akan bertanggungjawab di atas apa-apa kerugian yang berlaku kepada pembeli dan kegagalan memperolehi pinjaman ini tidak boleh dijadikan alasan untuk lewat membayar ansuran harga beli pada tarikh yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.
- Bagi kakitangan Kerajaan (rujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 1995) yang berhasrat memperolehi pinjaman Kerajaan Persekutuan/Negeri atau Pihak Berkuasa Berkanun hendaklah dalam tempoh 14 hari selepas penerimaan salinan surat perjanjian yang disetemkan memberitahu pemaju secara bertulis mengenainya dan pembeli hendaklah melakukan segala tindakan dan perkara yang perlu bagi mendapat pinjaman itu.
- Sekiranya pembeli gagal mendapat pinjaman, pembeli tetap bertanggungjawab membayar kepada pemaju kesemua harga beli atau mana-mana bahagiannya yang pada masa itu masih belum dijelaskan.

Sumber: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)


# Kebersihan dalam Penyediaan Makanan

**S**ejak beberapa bulan kebelakangan ini, Malaysia mengalami cuaca yang amat panas. Keadaan diburukkan lagi dengan ketiadaan bekalan air paip meliputi sebahagian kawasan Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor terutama di kawasan sekitar Lembah Klang.

Walau bagaimanapun, dalam kesibukan menjalani rutin sehari-hari di musim panas ini, aspek keselamatan dan kebersihan makanan mesti diutamakan. Statistik Penyakit Bawaan Makanan dan kes Keracunan Makanan mengikut Kementerian Kesihatan Malaysia bertambah setiap tahun. Pada tahun 1997 terdapat 7968 kes keracunan makanan, 267 kes hepatitis A, 391 kes taun dan 538 kes demam kepialu di negara ini. Dengan faktor-faktor cuaca dan kekurangan bekalan air, risiko keracunan makanan akan meningkat jika langkah-langkah pencegahan tidak diambil dengan bijak.

## Cara-Cara Mencegah Penyakit Bawaan Makanan

Langkah utama untuk menghindari penyakit bawaan makanan dan keracunan makanan adalah dengan melindungi makanan daripada tercemar oleh kuman-kuman patogens yang boleh menyebabkan penyakit. Sebagai panduan asas,



beberapa perkara berikut boleh dilakukan untuk mengelakkan makanan dari tercemar.

### Pemilihan Bahan Mentah

Pemilihan bahan mentah berkualiti dan selamat haruslah diutamakan. Bahan-bahan mentah seperti telur, ayam, daging, ikan, sayur-sayuran dan susu amat mudah tercemar oleh kuman. Bahan-bahan mentah ini perlulah dipilih dengan teliti dan elakkan daripada membeli bahan mentah yang disimpan atau dikendalikan dengan cara yang tidak bersih ataupun bercampur dengan bahan-bahan kimia ataupun bahan-bahan bukan makanan.

Pastikan bahan segar seperti daging, ikan dan ayam berada pada suhu sejuk. Memandangkan musim panas, ais akan mudah cair dan menjelaskan suhu penyimpanan semasa di jualan.

Bagi makanan yang akan dimakan mentah seperti timun, salad, serta ulam-ulaman ia perlulah dibasuh dengan sempurna sebelum dimakan. Elakkan menggunakan air yang sama berulang kali untuk mencuci sayur-sayuran ini walaupun cara tersebut dapat menjimatkan air di musim catuan air ini.

### Penyimpanan bahan mentah

Bahan mentah yang perlu disimpan lama seperti ayam, ikan dan daging pula perlu disimpan pada suhu sejuk beku. Penyimpanan dalam suhu sejuk beku yang sempurna dapat menahan pertumbuhan bakteria yang seterusnya menyebabkan keracunan makanan.

### Memasak makanan

Proses ini amat penting untuk mengelakkan kes keracunan makanan dari berlaku. Proses memasak bukan hanya bertujuan menambahkan kelazatan dan lebih mudah dimakan tetapi juga bertujuan membunuh bakteria yang terdapat dalam makanan tersebut. Pada umumnya, memasak pada suhu didih ( $100^{\circ}\text{C}$ ) pada jangkamasa 5 - 10 minit adalah cukup untuk membunuh bakteria.

Penggunaan haba basah seperti kukus dan rebus adalah lebih berkesan berbanding dengan

haba kering seperti penggunaan oven untuk membunuh bakteria. Walau bagaimanapun, bahan-bahan kimia dan toksin adalah stabil dan tidak musnah melalui proses memasak.

### Penyimpanan makanan

Makanan yang telah dimasak dan disimpan lama pada suhu biasa (suhu bilik) akan memberikan keadaan yang amat sesuai bagi pertumbuhan bakteria. Keadaan ini akan menyebabkan makanan menjadi rosak dan basi.

Bagi mengelakkan keadaan ini, makanan perlu disimpan di tempat yang bersih dan bertutup, serta tidak disimpan bersama dengan bahan mentah untuk mengelakkan pencemaran silang dan tidak terdedah kepada agen-agen pembawa bakteria seperti lalat dan lipas.

### Pemanasan semula makanan yang disimpan

Kaedah ini adalah amat penting kerana ia dapat membunuh bakteria yang mungkin telah mencemari makanan yang disimpan. Walau bagaimanapun kaedah ini hanya akan berfaedah jika pemanasan dilakukan hingga kepada suhu yang diperlukan dan rata kepada semua bahagian makanan. Suhu yang disyorkan adalah sekurang-kurangnya  $70^{\circ}\text{C}$  selama 5 - 10 minit. Pemanasan yang berulang-ulang kali adalah tidak digalakkan.

### Menghidang makanan

Makanan yang dihidangkan secara terbuka akan mudah dicemari. Pencemaran boleh berlaku secara terus melalui serangga seperti lalat dan lipas. Bagi mengelakkan hidangan dicemari, ianya perlulah ditutup dengan sempurna dengan penutup yang bersih dan sesuai seperti tudung saji. Menggunakan surat khabar dan bahan cetak adalah tidak dibenarkan kerana ia boleh mengakibatkan makanan tercemar oleh dakwat yang merbahaya jika dimakan.

### Air minuman

Air minuman perlu dimasak terlebih dahulu. Bagi kawasan yang mengalami keputusan bekalan air paip, pastikan bekalan air daripada tangki-tangki yang dihantar oleh Pihak Berkuasa Bekalan Air ke rumah-rumah ditadah, dibiarkan seketika sehingga ampaian atau habuk-habuk yang terdapat di dalam air termendap ke bawah sebelum dimasak dan diminum. Dalam keadaan cuaca yang panas ini juga, pastikan jumlah air yang diminum mencukupi iaitu sekurang-kurangnya 6-8 gelas sehari kerana

tubuh mudah mengalami dehidrasi pada musim panas ini. Keadaan dehidrasi boleh menyebabkan penurunan tahap ketahanan (imuniti) tubuh terhadap sesuatu penyakit. Ibu bapa perlu memberi tumpuan kepada anak-anak kerana mereka adalah golongan yang paling mudah diserang demam, batuk serta selesema kerana daya tahan tubuh yang rendah.

### Kebersihan diri

Pastikan tangan bersih setiap kali hendak memegang makanan. Sesetengahnya menganggap cara ini sukar dipraktiskan semasa ketiadaan air. Pada musim catuan air ini, sudah pastinya air bersih sukar untuk diperolehi. Walau bagaimanapun, pengendali makanan seperti surirumah atau peniaga gerai makanan perlu memastikan agar setiap amalan kebersihan dipatuhi. Pastikan bekalan air mencukupi sebelum meyediakan makanan walaupun cara ini memerlukan lebih masa dan tenaga.

Adalah amat penting tidak berkuku panjang dan kotor serta elakkan diri dari mengendali makanan jika terdapat penyakit kulit seperti bisul, kudis atau luka yang bernanah di tangan. Penyakit kulit seperti ini membawa bakteria yang boleh mencemarkan makanan.

Pengendali-pengendali makanan juga harus menjalani pemeriksaan perubatan dan mengambil suntikan sebelum menjalankan perniagaan.

### Menjaga kebersihan dapur dan peralatan memasak

Adalah amat penting alat-alat seperti kain pengelap, papan cincang, pisau dan sebagainya dicuci bersih setiap kali selepas digunakan serta disimpan di tempat yang bersih dan tidak digunakan untuk tujuan lain.

Penyakit bawaan makanan adalah penyakit yang biasa menyerang orang ramai. Walau bagaimanapun, ia dapat dielakkan dan dikawal sekiranya semua pihak memainkan peranan masing-masing untuk melindungi makanan yang dimakan dari tercemar oleh bahan pencemaran yang boleh menyebabkan penyakit. Amalan kebersihan perlu dipraktikkan setiap masa. Keadaan cuaca panas dan ketiadaan bekalan air paip bukanlah suatu alasan untuk tidak mematuhi amalan kebersihan jika sikap suka kepada kebersihan telah sebatи di dalam diri setiap rakyat Malaysia. Oleh itu rakyat yang peka perlu sama-sama memastikan diri dan keluarga selamat dari gejala-gejala penyakit ini.

# Apa yang boleh dikitar semula

## Kertas

Surat khabar, kertas-kertas dari pejabat, kertas-kertas dari pencetak, majalah dan risalah adalah bahan-bahan yang boleh dikitar semula. Kumpulkan item-item tadi di mana sahaja anda berada dan cuba asingkan kertas-kertas tadi mengikut gred.

## Plastik

Terlalu banyak barang plastik yang boleh dikitar semula. Semuanya dari kategori bekas-bekas minuman, botol-botol sabun, bekas makanan, pembalut makanan, bekas aiskrim dan banyak lagi



boleh dikitar semula

## Kertas kad bodor keras

Barangan elektrik ataupun perabot yang dibeli biasanya dibungkus dengan kotak kad bodor yang besar dan ramai orang tidak tahu apa yang perlu dibuat terhadap kotak-kotak tersebut lalu dibuang begitu sahaja. Apa kata kalau anda mengitar semula kotak-kotak tersebut daripada membuangnya begitu sahaja.

## Kaca

Bekas-bekas jem dan bekas-bekas makanan sesetengahnya masih dipekkan dalam botol. Anda boleh kitar semula botol-botol tersebut ataupun gunakannya semula untuk menyimpan makanan lain.

## Pakaian

Pakaian-pakaian lama boleh diguna semula atau didermakan kepada badan kebajikan. Cara ini dapat menjimatkan ruang dan tempat dan memberi bantuan kepada mereka yang memerlukannya.

Sumber: [www.kitarsemula.com](http://www.kitarsemula.com)

## Kuasa beli pengguna

**K**uasa beli ialah kemampuan pengguna untuk memperolehi keluaran dan perkhidmatan daripada pendapatan boleh gunanya. Ia juga merujuk nilai wang dan jumlah barang dan perkhidmatan yang dapat dibeli dengan satu unit mata wang.

Terdapat beberapa unsur yang mempengaruhi kuasa beli pengguna, iaitu:

- Harga barang dan perkhidmatan
- Permintaan terhadap barang dan perkhidmatan
- Pendapatan pengguna
- Cita rasa pengguna

Bagaimanapun, adalah sukar untuk membandingkan kuasa beli pengguna antara satu

negara dengan negara yang lain. Ini kerana permintaan untuk barang atau perkhidmatan tidak sama.

Kadar pertukaran mata wang pula boleh berubah tanpa mengubah kuasa beli pengguna secara relatif. Ini kerana:

- Wujudnya pergerakan modal antara negara.
- Perubahan permintaan iaitu pertambahan import akan menaikkan nilai mata wang negara pengeksport.
- Perubahan politik yang melibatkan perubahan dasar kerajaan bagi perdagangan dan sistem ekonomi yang lain.

Dalam keadaan inflasi, didapati kuasa beli pengguna menurun. Pendidikan pengguna boleh mendidik pengguna supaya bijak berbelanja.

# Pusat Aduan Pengguna Nasional

Dalam era globalisasi, masalah pengguna menjadi semakin rentam dan kompleks berikutan pasaran barang yang menjadi semakin meluas. Lantaran itu, pusat aduan yang dikendalikan oleh pelbagai pihak menerima banyak aduan daripada pengguna tentang masalah yang dihadapi.

Menyedari keperluan pengguna yang mendesak ini, maka Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan (PPSWP) telah menubuhkan Pusat Aduan Pengguna Nasional, sebagai pusat aduan setempat bagi mengendalikan aduan para pengguna di seluruh negara.

Lokasi PPSWP beroperasi di ibu negara, di mana kebanyakan syarikat mempunyai pejabat urusan dan operasinya. Ini memberikan kelebihan kepada PPSWP untuk berurusan dengan syarikat-syarikat ini bagi menyelesaikan masalah pengguna.

## Objektif Pusat Aduan Pengguna

- Sebagai pusat pengendalian aduan pengguna dengan lebih berkesan dan sistematik.
- Sebagai pusat panggilan (call center) setempat bagi aduan pengguna.
- Sebagai pusat penerangan dan informasi kepenggunaan



- Sebagai pusat khidmat nasihat bagi membantu pengguna menyelesaikan masalah berkenaan hak-hak mereka.
- Sebagai pusat yang akan mewujudkan hubungan yang harmoni dengan pengguna, pembekal/pengilang dan kerajaan.

## Operasi Pusat Aduan Pengguna

- Dikendalikan oleh staf yang berpengalaman dalam pengendalian aduan pengguna. Sekumpulan peguam sukarela juga akan diwujudkan di Pusat ini bagi membantu dalam memberikan khidmat nasihat dalam bidang perundangan.
- Menjadi pusat latihan bagi pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dalam bidang berkaitan pengendalian aduan. Ini akan memberikan pengalaman "first hand" kepada para pelajar tersebut.
- Mengeluarkan laporan tahunan yang menganalisa jenis aduan yang diterima daripada para pengguna.

## Perancangan

- Mengeluarkan laporan analisa aduan yang diterima pada setiap tahun untuk penilaian kerajaan terhadap isu-isu yang berkaitan kepenggunaan.
- Mengadakan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi bagi melatih para pelajar dalam pengendalian aduan pengguna.

*Jika anda mempunyai sebarang masalah kepenggunaan, hubungi:*  
**Pusat Aduan Pengguna Nasional**  
**No. 1C-1, Bangunan SKPPK**  
**Jalan SS9A/17, 47300 Petaling Jaya,**  
**Selangor Darul Ehsan.**  
**Tel: 03-78748096**  
**Emel: [ppsdwp@po.jaring.my](mailto:ppsdwp@po.jaring.my)**

### ■ Melalui internet

Skim ini kian berleluasa seiring dengan era teknologi maklumat pada masa ini. *Modus operandi* skim ini hampir sama dengan skim cepat kaya iaitu melalui pelaburan. Seseorang perlu membayar sejumlah tertentu sebagai bayaran bagi sesuatu produk seperti emas, laman web dan sebagainya. Seterusnya dia perlu menaja orang lain untuk menyertai skim ini dan diletakkan di bawahnya. Biasanya jumlah penajaan adalah tetap seperti dua orang. Mereka ini juga diminta untuk membuat pembayaran yang sama.

Bagi setiap penajaan itu, peserta akan mendapat insentif dalam bentuk poin atau sejumlah wang tertentu. Apabila sampai pada peringkat tertentu, peserta digambarkan akan mendapat sejumlah wang yang banyak hasil daripada pengumpulan poin atau jumlah wang tersebut.

### ■ Melalui jualan langsung

Skim ini dibuat melalui syarikat jualan langsung yang berlesen. Untuk mendapatkan lesen jualan langsung, syarikat perlu menyerahkan pelan pemasarannya kepada Bahagian Jualan Langsung, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Namun hakikatnya apabila beroperasi, mereka menggunakan pelan pemasaran yang berbeza. Tumpuan lebih diberikan kepada mencari keahlian.

Seseorang yang telah menyertai skim ini diminta membawa seberapa ramai orang untuk menyertai sesi penerangan yang diadakan oleh syarikat di tempat-tempat tertentu. Mereka yang berminat untuk menjadi ahli diminta membeli sesuatu produk tertentu. Apabila telah menjadi ahli, mereka diletakkan di bawah seseorang yang telah menjadi ahli. Bagi setiap penajaan ahli yang baru, mereka akan mendapat poin tertentu yang kemudiannya akan ditukarkan bentuk wang.

### Ciri-ciri skim piramid

- Menjanjikan pulangan yang tinggi dalam tempoh yang singkat bagi sesuatu jumlah pelaburan yang kecil.
- Mengenakan yuran tertentu untuk menyertai skim atau membeli sesuatu produk tertentu pada harga yang tinggi berbanding harganya di pasaran.

- Menganjurkan sesi taklimat dan penerangan yang lebih menekankan kepada kaedah mencari ahli baru dan bukannya tentang pemasaran sesuatu produk.
- Ganjaran akan diberikan berdasarkan jumlah ahli yang ditaja dan bukannya jumlah barang yang berjaya dijual.

### Peraturan mengenai skim piramid

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna - akan mengubal akta Anti-Piramid yang meletakkan peraturan mengenai skim piramid. Buat masa ini kebanyakan tindakan dibuat oleh Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terhadap syarikat jualan langsung yang menjalankan skim piramid di bawah Akta Jualan Langsung
- Bank Negara - di bawah Akta Kewangan Bank dan Institusi Kewangan 1986, seseorang yang menjalankan skim piramid boleh didakwa kerana kesalahan mengambil deposit tanpa kebenaran (lesen sah) daripada Bank Negara.

## PANDUAN PENGGUNA

### Apabila Tayar Kereta Pecah

- Sebaik sahaja tayar pecah, jangan panik dan jangan tekan pedal brek!
- Pasang signal awas, lepaskan minyak dan pegang stering kuat2 dengan kedua2 belah tangan.
- Turunkan ke gear rendah apabila kereta telah stabil seperti 5-3-2 atau D-2-L dan bawa kereta ke tepi jalan.
- Hentikan kereta dengan membrek perlahan-lahan di gear 2.
- Pastikan kereta berhenti di luar garisan tepi jalan dan tukar tayar kereta.

Jika tidak menekan brek, insya Allah semuanya akan selamat walaupun tayar pecah pada kelajuan 150 km/j. Jika ada penumpang di sebelah anda, minta bantuan untuk memegang stering semasa anda turunkan gear. Jika tayar kereta anda botak, jangan memandu terlalu laju semasa cuaca panas.

### KAEDAH FORENSIK HAPUS CETAK ROMPAK VCD

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menggunakan kaedah forensik dalam usaha membanteras habis-habisan kegiatan cetak rompak cakera padat video (VCD) di seluruh negara. Menterinya, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata melalui kaedah saintifik terbaru itu, kementeriannya berupaya mengetahui dari mana sesebuah VCD itu dicetak rompak, sama ada melalui kilang berlesen atau haram.

*Berita Harian, 3 Mac 2004*

### AKTA PERSAINGAN DIGUBAL BELA KEPENTINGAN PENGGUNA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan menggubal Akta Persaingan selain merangka Dasar Amalan Perdagangan Adil (FTPP) dalam membela kepentingan pengguna dan menjana pertumbuhan ekonomi dan industri. Menterinya, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis berkata, akta berkenaan akan berperanan sebagai payung kepada kesemua akta di bawah bidang kuasa kementerian termasuk Akta Perlindungan Pengguna 1999.

*Utusan Malaysia, 5 Mac 2004*

### MALAYSIA ALL OUT TO STOP PIRACY

Malaysia will go all out to stop pirated products at source to prevent them from being exported. The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry Enforcement Director-General Abdullah Nawawi Mohamed said the division was committed in stopping the export of pirated wares.

*Malay Mail, 8 March 2004*

### MINISTRY STANDS FIRM AGAINST 24-HOUR HYPERMARKETS

The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry will stand by its decision not to allow round-the-clock operations at hypermarkets. Its Minister, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, said the Ministry will seek the co-operation of State Governments to uphold its decision against Tesco and other hypermarkets.

*Malay Mail, 11 March 2004*

### BATAL LIMA LESEN SYARIKAT JUALAN LANGSUNG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) membatalkan

lesen lima syarikat jualan langsung kerana menggunakan pelan pemasaran yang tidak diluluskan, aktiviti berbentuk piramid dan menjalankan skim cepat kaya. Syarikat berkenaan adalah Cintai Holidays (M) Sdn Bhd, Millennium One Sdn Bhd, Exquisite Supply Sdn Bhd, Asia Command Sdn Bhd dan Top-Ed Marketing Services Sdn Bhd.

*Harian Metro, 13 Mac 2004*

### JUMLAH TRANSAKSI MELALUI KAD KREDIT PALSU MENURUN

Nilai urus niaga menggunakan kad kredit palsu yang mencapai RM40 juta di Malaysia pada tahun lalu, sedang mengalami penurunan ekoran meningkatnya penggunaan kad kredit yang mempunyai cip. Naib Presiden Mastercard Internasional Malaysia dan Brunei, Jim Cheah berkata, penurunan tersebut telah dikesan pada suku terakhir tahun lalu berbanding suku tahun sebelumnya.

*Utusan Malaysia, 16 Mac 2004*

### PEMILIK KENDERAAN PATUT URUS SENDIRI DENGAN JPJ

Pemilik kenderaan digalak berurusan sendiri dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) daripada menggunakan khidmat orang tengah atau ejen bagi mengelakkan mereka tertipu. Ketua Pengarah JPJ, Datuk Emran Kadir, berkata beliau mendapat laporan ada orang tengah atau ejen menipu pemilik kenderaan dengan mendakwa JPJ mengenakan bayaran tambahan bagi sesuatu urusan.

*Berita Harian, 28 Mac 2004*

### SURUHANJAYA AIR KEBANGSAAN DITUBUHKAN

Kerajaan akan menubuhkan Suruhanjaya Air Kebangsaan (NWC) bagi melindungi kepentingan awam serta hak pengguna berikut pengkorporatan dan penswastaan bekalan air di beberapa negeri. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata suruhanjaya itu akan menjadi badan bebas yang akan memantau dan merangka garis panduan bersesuaian dengan keadaan semasa untuk melindungi kepentingan rakyat.

*Berita Harian, 31 Mac 2004*


# Senaman - kurangkan risiko sakit jantung

**S**enaman boleh membantu dalam mengurangkan risiko penyakit jantung, iaitu:

- Ia memperkuat dan meningkatkan keupayaan otot-otot jantung serta mengurangkan bebanan pada jantung anda.
- Ia menambah penerokaan pembuluh-pembuluh darah dan seterusnya meningkatkan kemasukan oksigen ke dalam otot-otot jantung.
- Ia meningkatkan paras kolesterol pelindung yang dikenali sebagai 'high density lipo' proteins (HDL).
- Ia membantu dalam mengawal berat badan dengan membakar kalori yang ada.
- Ia mengurangkan tekanan darah bagi mereka yang mempunyai tekanan darah tinggi.
- Ia mengurangkan ketegangan yang disebabkan oleh tekanan perasaan.
- Ia membantu anda tidur dengan nyenyak.

## Bagaimana Hendak Bersenam

- Jadikan senaman sebagai amalan hidup anda.
- Senaman perlu dibuat mengikut kehendak dan kesenangan anda.
- Bila melakukan senaman, jarakkan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu, untuk sekurang-kurangnya 20 minit setiap kali.



- Senaman yang tidak berkala tidak memberi apa-apa manfaat.
- Panaskan badan dengan melakukan regangan sekurang-kurangnya 5 minit sebelum sesi senaman dan sejukkan badan melalui regangan selepas aktiviti senaman.
- Senaman hendaklah bersungguh-sungguh tetapi tidaklah memudaratkan.
- Kemantapan senaman seharusnya boleh menggerakkan denyutan nadi anda lebih kurang 120-150 denyutan seminit.
- Mulakan program senaman anda perlahan-lahan dan kemudian tingkatkannya dari masa ke masa.

## INFO PENGGUNA

### Senaman & Kerja Rumah atasi Risiko Kanser

**L**aporan yang dibuat oleh akhbar *Telegraph* menyatakan bahawa sesiapa yang berjalan lebih 60 minit sehari dan melakukan kerja rumah empat jam atau lebih sehari, adalah berkesempatan 30 peratus lebih rendah dijangkiti barah rahim.

Penyelidikan berasingan juga menunjukkan pesakit kanser payu dara yang kerap melakukan latihan fizikal akan berpeluang untuk sembuh.

Laporan ini juga telah mengukuhkan satu penemuan lain yang menunjukkan bahawa senaman dapat mengurangkan risiko beberapa jenis penyakit kanser selain sakit jantung dan diabetes.

Kajian yang dijalankan oleh Dr. Mathews dari Pusat Perubatan Universiti Vanderbilt di Nashville, Tennessee dan rakan-rakannya dari Institut Barah

Shanghai di China mendapat berjalan dan menjalankan kerja rumah dapat mengurangkan risiko menghidap penyakit kanser endometriosis kira-kira 40 peratus. Kajian ini dilakukan ke atas 974 orang wanita di Shanghai yang berusia 30 hingga 69 tahun, dan dibandingkan dengan wanita yang seusia dengannya.

Satu pasukan pengkaji yang lain dari Brigham, Hospital Wanita dan Universiti Howard pula merumuskan bahawa senaman telah meningkatkan peluang bagi wanita untuk selamat daripada menghidap kanser payu dara. Pasukan ini telah melakukan kajian ke atas 2,296 orang pesakit kanser payu dara. Perkembangan ke atas mereka telah diambil sejak tahun 1986 sehingga mereka meninggal dunia atau sehingga Jun 2002.

*Sumber: Berita Harian, 1 April 2004.*

# Penyakit Gastrik

**G**astrik atau *ulcer peptic* ditakrif sebagai luka kecil yang terjadi di bahagian usus, selalunya di bahagian *duodenum* (dipanggil *duodenal ulcer*) ataupun perut (dipanggil *gastric ulcer*). Ulser ini selalunya tidak menyebabkan berlakunya kanser. Bagaimanapun terdapat peratusan kecil ulser ini boleh menyebabkan terjadinya kanser akhirnya.

## Punca penyakit gastrik

Penyakit ini dipercayai disebabkan oleh ketidakseimbangan kandungan asid dan pepsin di dalam usus. Pengeluaran asid yang berlebihan menyebabkan terjadinya ulser.

## Faktor yang mempengaruhi penyakit gastrik

- Pengambilan ubat-ubat tahan sakit seperti aspirin, brufen dsb. Kumpulan ubat dari jenis NSAID (non-steroidal anti-inflammatory drugs) ini boleh memburukkan lagi ulser yang dihidapi.
- Orang yang lebih tua, berusia 50 tahun ke atas. Ini mungkin kerana mereka lebih kerap mengambil ubat tahan sakit untuk penyakit arthritis (sakit sendi), atau sebab-sebab lain.
- Penghidap penyakit tertentu seperti *Crohn's disease* dan *Zollinger-Ellison syndrome*
- Hal-hal yang berkaitan dengan *reflux*. Kecederaan pada proses ini boleh menyebabkan asid masuk ke dalam perut dan



menipiskan lapisannya. Bagi orang yang telah berumur pula, *pylorus* boleh merenggang, menyebabkan kejadian yang sama berlaku.

- Orang yang mempunyai darah jenis A.
- Pengambilan kafein dan alkohol secara berlebihan.
- Perokok.
- Pemakanan yang tidak terurus.
- Stres (tekanan) secara tidak langsung boleh mempengaruhi penyakit ini.

## Tanda-tanda penyakit

- Rasa sakit perut dan berasa tidak hadam makan. Sakit perut selalunya dirasai di bahagian atas perut
- Pening kepala.
- Mengalami angin. Terasa sakit di bahagian ulu hati. Sendawa dan kentut yang kerap.
- Muntah.
- Badan rasa lemah lesu.
- Berat badan menurun.
- Najis menjadi hitam atau gelap (kerana ia sebat dengan darah).

## Langkah-langkah yang boleh anda lakukan

- Makan secara yang kerap. Ambil makanan ringan antara makanan utama bagi mengelakkan perut daripada kosong.
- Minum susu.
- Rehat yang lebih.
- Jauhi daripada perkara-perkara yang boleh mempengaruhi terjadinya atau memburukkan lagi ulser (sila rujuk di atas).
- Pengambilan makanan yang mengandungi sulfur seperti bawang putih, kobis, brocolli harus ditambah. Sulfur membentuk glutathione yang melindungi lapisan perut.
- Ambil vitamin C 100mg untuk mengurangkan kandungan nitrosamines yang boleh menyebabkan kanser perut.
- Tambahkan zink dalam pemakanan untuk proses penyembuhan.
- Pengambilan probiotik (bakteria baik) hendaklah diamalkan.

Sumber: [www.anispharmacy.com](http://www.anispharmacy.com)

ISSN 1675-5626

